



**KESATUAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM SEMENANJUNG MALAYSIA**

www.kpptm.my | No.Pendaftaran: 1196 | kpptm.my@gmail.com

No.Rujukan

**BORANG PERMOHONAN SEBAGAI ANGGOTA KPPTM**

Sila lengkapkan borang ini dengan menggunakan PEN HITAM dan HURUF BESAR. Tandakan ( ✓ ) pada kotak berkaitan.

<b>A. MAKLUMAT PERIBADI</b>		
Nama Penuh Pemohon ( <i>seperti dalam Kad Pengenalan</i> ):		
No MyKad:	Emel (aktif):	
Tel. Bimbit :	Bangsa:	Agama:
Tel. Pejabat:	<input type="checkbox"/> Melayu <input type="checkbox"/> Cina <input type="checkbox"/> India <input type="checkbox"/> Kadazan <input type="checkbox"/> Iban <input type="checkbox"/> Lain-lain	<input type="checkbox"/> Islam <input type="checkbox"/> Buddha <input type="checkbox"/> Hindu <input type="checkbox"/> Kristian <input type="checkbox"/> Sikh <input type="checkbox"/> Lain-lain
Jantina: <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan	Taraf Perkahwinan: <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Bujang	Status OKU <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
<b>B. MAKLUMAT PERKHIDMATAN</b>		
Gred Jawatan: <input type="checkbox"/> FA29 (KUP) <input type="checkbox"/> FA32 <input type="checkbox"/> FA40 <input type="checkbox"/> FA29 <input type="checkbox"/> FA38	Tarikh Mula Berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam sebagai PPTM : .....	Alamat Penuh Tempat Berkhidmat:
Taraf Perjawatan: <input type="checkbox"/> Tetap <input type="checkbox"/> Kontrak		
<b>Maklumat Introducer</b>		
Nama Introducer ( <i>Anggota KPPTM</i> ) sekiranya ada:	No. Keanggotaan Introducer: 1196 - 01 - _____	
<b>C. MAKLUMAT PEMBAYARAN YURAN</b>		
1. Bersama ini disertakan wang berjumlah RM.....secara <input type="checkbox"/> ONLINE <input type="checkbox"/> CASH <input type="checkbox"/> CHEQUE rujukan transaksi : ..... melalui bank : .....		
Yuran Masuk (RM20.00).....	RM <input type="text"/>	Bulan & tahun <input type="text"/>
Yuran Bulanan (RM5.00).....	RM <input type="text"/> dari <input type="text"/>	hingga <input type="text"/>
2. Pembayaran yuran hendaklah dimasukkan terus ke akaun KPPTM seperti berikut: Nama Akaun : Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat No. Akaun : 566010621794 (Maybank)		
3. Slip bayaran yuran beserta info diri (Nama, No.KP, No.HP, emel) hendaklah di emelkan kepada <a href="mailto:kpptm.my@gmail.com">kpptm.my@gmail.com</a> untuk tujuan pengemaskinian rekod bayaran ke dalam Sistem Keanggotaan KPPTM.		
<b>D. PENGAKUAN PEMOHON</b>		
1. Mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan mengenai diri saya adalah benar; dan	PEMOHON ..... Nama : Tarikh :	
2. Berikrar mematuhi peraturan-peraturan yang terkandung di dalam Buku Peraturan Kesatuan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Dalam Perkhidmatan Awam Semenanjung Malaysia (KPPTM).		
<b>KEGUNAAN PEGAWAI KESATUAN</b>		
Status Keanggotaan: <input type="checkbox"/> LULUS <input type="checkbox"/> TIDAK LULUS	No.Keanggotaan: 1196 - <input type="text"/> <input type="text"/> - <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/> <input type="text"/>	SEMAKAN YURAN OLEH BENDAHARI ..... Nama : Tarikh :
Tarikh Diluluskan Keanggotaan:		
<b>DIDAFTARKAN OLEH SETIAUSAHA</b> ..... Nama : Tarikh :		<b>PENGESAHAN PRESIDEN</b> ..... Nama : Tarikh :

## PERATURAN BERIKUT DIGUNAPAKAI BAGI PROSES PENDAFTARAN KEANGGOTAAN KESATUAN

### PERATURAN 3 - ANGGOTA KESATUAN

- (1) Keanggotaan kesatuan ini terbuka kepada **KAKITANGAN YANG BERKHIDMAT DALAM SKIM PERKHIDMATAN PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA** kecuali mereka yang memegang jawatan pengurusan, eksekutif, sulit atau keselamatan. Pekerja-pekerja itu hendaklah berumur lebih dari 16 tahun dan mempunyai tempat kerjanya di Semenanjung Malaysia tertakluk kepada syarat bahawa seseorang yang diuntukkan pendidikan dalam sesuatu sekolah, politeknik, kolej, universiti, kolej universiti atau institusi lain yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis tidak boleh menjadi anggota Kesatuan kecuali sekiranya ia :-
  - (a) Sebenarnya seseorang pekerja menurut takrif dalam Akta Kesatuan Sekerja 1959; dan
  - (b) Berumur lebih daripada 18 tahun
- (2) Permohonan untuk menjadi anggota hendaklah dilakukan dengan mengisi borang yang ditentukan oleh Kesatuan dan menyampaikannya kepada Setiausaha. Setiausaha hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Majlis Jawatankuasa Kerja untuk kelulusan. Majlis Jawatankuasa Kerja hendaklah memaklumkan keputusan permohonan tersebut kepada pemohon. Setelah permohonan seseorang itu diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Kerja dan yuran masuk serta yuran bulanan untuk tiga (3) bulan pertama dijelaskan maka namanya hendaklah didaftarkan dalam Daftar Yuran / Keanggotaan sebagai anggota. **[Ruj. Pindaan : 1505/1/2020(1)]**
- (3) Seseorang anggota itu hendaklah diberikan senaskah buku Peraturan- peraturan Kesatuan dengan percuma apabila diterima sebagai anggota.
- (4) Seseorang yang diterima masuk menjadi anggota dan kemudian berhenti daripada tempat kerjanya, tred atau industri seperti dinyatakan dalam Peraturan 3(1) akan dengan sendirinya terhenti dari menjadi anggota Kesatuan. Namanya hendaklah dikeluarkan daripada Daftar Yuran / Keanggotaan tertakluk kepada peruntukan berkenaan di bawah Peraturan Tambahan Tabung Wang Kebajikan (jika ada).

### PERATURAN 4 - YURAN DAN TUNGGAKAN

- (1) Yuran Kesatuan adalah seperti berikut :-

**Yuran masuk      RM 20.00**

**Yuran bulanan    RM 5.00**

Sebarang kenaikan yuran hendaklah diputuskan dengan undi rahsia menurut Peraturan 25.

- (2) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan sebelum tujuh haribulan pada tiap-tiap bulan.
- (3) Seseorang anggota yang terhutang yuran selama tiga bulan berturut-turut akan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi anggota Kesatuan. Haknya dalam Kesatuan akan hilang dan namanya hendaklah dipotong dari Daftar Yuran / Keanggotaan.
- (4) Seseorang yang terhenti menjadi anggota kerana tunggakan yuran boleh memohon semula menjadi anggota menurut Peraturan 3 (2).
- (5) Majlis Jawatankuasa Kerja berkuasa menetapkan kadar bayaran yuran bulanan yang kurang atau mengecualikan buat sementara waktu mana-mana anggota daripada bayaran yuran bulanan atau sebarang kutipan atau yuran khas (jika ada):-
  - (a) jika dia jatuh sakit teruk atau ditimpa kesusahan yang berat;
  - (b) dia dibuang kerja, diberhentikan atau diketepikan dan masih menunggu keputusan sesuatu perundingan atau perbincangan tentang pembuangan kerja, pemberhentian atau pengeneapan itu; atau
  - (c) kerana sebarang sebab lain yang difikirkan munasabah dan wajar oleh Majlis Jawatankuasa Kerja.

#### **TERTAKLUK KEPADA:**

- Yuran bulanan hendaklah dijelaskan sebelum **TUJUH (7) HARIBULAN** pada tiap-tiap bulan.
- Seseorang anggota yang terhutang yuran selama **TIGA (3) BULAN BERTURUT-TURUT** akan dengan sendirinya terhenti daripada menjadi anggota Kesatuan. Haknya dalam Kesatuan akan hilang dan namanya hendaklah dipotong dari Daftar Yuran / Keanggotaan.

#### **DEFINISI KESATUAN**

Kesatuan Sekerja merupakan persatuan yang bebas atau gabungan kumpulan pekerja yang bertindak sebagai suara pekerja bagi mengimbangi hubungan antara pekerja dan majikan. Ini termasuklah dalam meningkatkan hubungan baik industri, menjana ekonomi dan status sosial pihak masing-masing selain mencari penyelesaian untuk meningkatkan produktiviti yang memberi faedah kepada kedua pihak.

#### **TUJUAN KESATUAN**

- a) Mengatur perhubungan di antara pekerja dengan majikan bagi maksud melaksanakan perhubungan perusahaan yang baik dan harmoni, meningkatkan daya pengeluaran dan memperolehi serta mengekalkan bagi anggota-anggotanya keselamatan pekerjaan, sukatan gaji yang adil dan sesuai serta syarat-syarat pekerjaan yang berpatutan.
- b) Memajukan kebajikan anggota Kesatuan dari segi sosial, ekonomi dan pendidikan dengan cara yang sah di sisi undang-undang.
- c) Menganjurkan dan mengendalikan kursus, dialog, seminar dan sebagainya untuk faedah anggota-anggota Kesatuan khususnya dan para pekerja amnya.
- d) Mengendalikan urusan mengarang, menyunting, mencetak, menerbit dan mengedarkan sebarang jurnal, majalah, buletin atau penerbitan lain untuk menjayakan tujuan-tujuan Kesatuan ini atau untuk kepentingan anggota-anggota Kesatuan jika dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Kerja.